

21 NOV 2000

LID-Mahathir (FDI)

SAID 2001 DI UGANDA FOKUS TARIK PELABURAN ASING, KATA DR M

LANGKAWI, 21 Nov (Bernama) -- Dialog Antarabangsa Selatan Afrika tahun depan (SAID 2001) yang akan diadakan di Kampala, Uganda, akan memberi tumpuan terhadap usaha menarik pelaburan terus asing (FDI) ke negara-negara membangun, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Usaha menarik FDI ke kawasan-kawasan itu sememangnya menjadi masalah kepada mereka dan SAID 2001 pada bulan Ogos akan mencari jalan mengatasinya, kata beliau pada sidang media selepas berakhirnya sesi dialog ketua-ketua negara dan kerajaan pada Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID 2000) di sini.

Dialog tahun ini memberi tumpuan kepada bagaimana menangani globalisasi dan mencari jalan untuk negara-negara membangun menyesuaikan diri dan bersedia ke arah Ekonomi Baru.

Dr Mahathir berkata LID 2000 turut menyentuh tentang perlunya komunikasi yang lebih antara ketua-ketua kerajaan dan pegawai-pegawai kanan serta penubuhan "pusat" di kalangan negara-negara peserta pergerakan perkongsian bestari.

Katanya, "Pagi ini kita memutuskan beberapa perkara asas, terutamanya dalam penubuhan "pusat-pusat" di setiap negara, soal pembiayaan dan struktur "pusat-pusat" itu."

Commonwealth Partnership for Technology Management Ltd (CPTM), penganjur bersama LID 2000, telah mencadangkan penubuhan "pusat-pusat" itu di setiap negara. "Pusat" ini akan menjadi alat di bawah pergerakan perkongsian pintar dengan kerajaan dan sektor swasta serta kesatuan sekerja, media dan kumpulan-kumpulan sosial berinteraksi antara satu sama lain dan berkongsi pengalaman mereka dalam menangani isu-isu nasional dan sektor awam/swasta.

Dr Mahathir berkata para peserta juga bersetuju isu-isu globalisasi, halangan bukan tarif dan hak cipta intelektual yang dibincangkan di sini diteruskan menerusi "pusat-pusat" di setiap negara.

"Kita telah membuat keputusan mengenai isu ini. Kita harus mempunyai pegangan serupa supaya kita boleh mengemukakan pandangan serupa apabila menyertai pelbagai forum antarabangsa," katanya.

Menyentuh soal pembiayaan, Dr Mahathir berkata ia akan dibiayai oleh negara-negara Komanwel, sektor perniagaan dan kerajaan-kerajaan yang terlibat dalam pergerakan perkongsian pintar.

CPTM, yang berpusat di London, berfungsi sebagai sebuah rangkaian yang menjadi pemangkin dan tempat penyelesaian (clearing house) untuk usaha bersama negara-negara anggota, sektor perniagaan dan profesional.

Dr Mahathir juga berkata, anggota-anggota CPTM juga mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil media pada satu sesi khas semasa LID 2000 dan merumuskan bahawa perlunya diadakan sumber alternatif berita yang berasal dari negara terlibat.

Katanya, ada berita yang dilaporkan oleh pertubuhan-pertubuhan media terutamanya mengenai negara-negara membangun agak jauh daripada fakta benar dan dipesongkan.

"Kita perlu mendapatkan bahan berita yang sebenarnya, kalau tidak kita akan membuat kesimpulan yang salah mengenai rakan anggota kita. Jadi, tidak ada salahnya mempunyai sumber berita alternatif untuk perbandingan... kita seharusnya mempunyai sekurang-kurangnya satu sumber rujukan," kata Dr Mahathir.

Katanya, sumber berita alternatif tidak akan menjadi kenyataan dalam

sekelip mata kerana rakan-rakan perkongsian perlu memberi masa kepada akhbar-akhbar untuk bersedia melakukannya.

Dr Mahathir berkata pada masa ini, Asia mempunyai Rangkaian Berita Asia (ANN) yang dihubungkan dengan banyak suratkhbar di rantau ini yang menolong mengimbangkan berita-berita daripada perkhidmatan berita eletronik.

Katanya, ini mungkin dapat diperluaskan kepada berita radio serta klip video.

Menyentuh mengenai rangka kerja menguruskan globalisasi di bawah rangka kerja perkongsian pintar, Dr Mahathir berkata, beberapa perkara mengenai isu itu telah dibincangkan dan para peserta telah mencapai kemajuan daripada segi pemahaman dan pengetahuan cara ke hadapan.

"Kita tahu bagaimana untuk maju dan bagaimana menangani perkara-perkara ini sama ada kita terjejas atau tidak...itu perkara lain tetapi kita kini memahami masalah itu dengan lebih baik," katanya.

Mengenai isu sosial, Dr Mahathir berkata kumpulan sosial yang kebanyakannya mengandungi isteri pemimpin-pemimpin, membincangkan kesan penyakit pembunuh seperti malaria yang berleluasa di beberapa negara Afrika akibat kesan daripada pengharaman DDT.

-- BERNAMA

MK PR